



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA (DVS)
PELAWAAN MEMBERI CADANGAN/REQUEST FOR PROPOSAL

No rujukan : JPV/PIT/200-4/1 JLD 22 (66)

**PELAWAAN MENGEMUKAKAN CADANGAN /REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) PENYEWAAN
TANAH DAN KANDANG TERNAKAN UNTUK PENTERNAK LEMBU PEDAGING/TENUSU**

Jabatan Perkhidmatan Veterinar mengalukan cadangan dari syarikat dan penternak industri ruminan yang berminat bagi menyewa tanah dan kemudahan infrastruktur seperti berikut:

Bil	Lokasi	Maklumat tanah dan infra	Kadar Sewaan semasa
1.	Ladang Satelit Nasional (LSN) Tersat, daerah Kuala Berang, Terengganu	Kandang 3 , Ladang Satelit Nasional Tersat. (1 unit kandang beserta 6 hektar kawasan tanaman rumput)	RM1,250/ bulan
2.		Kandang 4 , Ladang Satelit Nasional Tersat. (1 unit kandang beserta 6 hektar kawasan tanaman rumput)	RM1,250/ bulan
3.		Kandang 5 , Ladang Satelit Nasional Tersat. (1 unit kandang beserta 6 hektar kawasan tanaman rumput)	RM1,250/ bulan
4.		Kandang 6 , Ladang Satelit Nasional Tersat. (1 unit kandang beserta 6 hektar kawasan tanaman rumput)	RM1,250/ bulan

Syarikat atau individu berpengalaman dalam penternakan ruminan yang mempunyai kriteria yang ditetapkan seperti dinyatakan di **Lampiran A** adalah dipelawa untuk mengemukakan cadangan projek bagi tujuan permohonan.

Dimaklumkan bahawa **kontrak penyewaan bagi infrastruktur dan tanah bagi tujuan aktiviti penternakan sahaja dengan tempoh sewaan adalah selama tiga (3) tahun.**

Dokumen cadangan projek yang lengkap seperti butiran di **Lampiran B** hendaklah dihantar secara serahan tangan atau pos sebelum jam 4.30 petang pada **31 Julai 2026** kepada :

**Unit High Impact Project (HIP),
Bahagian Pembangunan Industri Ternakan,
Jabatan Perkhidmatan Veterinar,
Aras 1, Lot 4G2, Wisma Tani, Presint 4,
62630 Putrajaya
Emel: hip@dvs.gov.my**

Sebarang penjelasan lanjut boleh diperolehi dengan menghubungi pegawai berikut:

Nama	No telefon	E-mel
Dr. Norziela bt Anuar	03-88702408	zielaanuar@dvs.gov.my
Dr. Norul Hayati binti Saad	03-88702474	n.hayati@dvs.gov.my
Pn. Norhidayah Syarida bt Abdul Aziz	03-88702434	nsyarida@dvs.gov.my

1.0 PENGENALAN

Jabatan Perkhidmatan Veterinar berhasrat menawarkan infrastruktur kandang beserta tapak tanah dan plot tanaman secara sewaan. Sehubungan dengan itu, pelawaan adalah terbuka kepada syarikat-syarikat atau individu yang mempunyai latar belakang serta berpengalaman menjalankan projek penternakan ruminan, di samping mempunyai kemampuan modal dan keupayaan kewangan bagi melaksanakan projek di **Ladang Satelit Nasional (LSN) Tersat, di atas sebahagian tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan di atas lot PT 1176, Mukim Kuala Berang, Daerah Hulu Terengganu, Terengganu.**

2.0 MAKLUMAT TAPAK

2.1. Maklumat tanah dan infrastruktur berkaitan adalah seperti berikut:

No Lot	PT 1176
No. Hak Milik	HSD 1193
Bandar/Pekan/Mukim	Mukim Kuala Berang
Daerah	Hulu Terengganu
Negeri	Terengganu
Luas Lot	Plot sewaan berkeluasan 6 hektar (15 ekar) bagi setiap peserta

2.2. Lokasi kandang Ladang Satelit Nasional (LSN) Tersat dan plot tanamannya adalah terletak di dalam kawasan Pusat Ternakan Haiwan (PTH) Tersat beralamat di Kampung Lebak, 21700 Kuala Berang, Terengganu. Ianya terletak kira-kira 5 kilometer dari kawasan bandar Kuala Berang.

2.3. Pada masa hebahan ini dibuat, Jabatan mempunyai empat (4) unit kandang lembu fidlot yang telah kosong dan sedia ditawarkan untuk penyewaan kepada penyewa baru.

2.4. Kadar sewaan yang ditetapkan adalah berasaskan skop kemudahan yang ditawarkan serta mengambil kira keadaan semasa kemudahan, termasuk penyediaan dan penyesuaian yang mungkin perlu dilaksanakan oleh penyewa bagi memenuhi keperluan operasi.



Gambar 1: Pandangan hadapan salah sebuah Kandang Lembu Fidlot di Ladang Satelit Nasional Tersat.



Gambar 2: Kedudukan Kandang 3,4,5 dan 6 yang kosong.

3.0 MAKLUMAT YANG PERLU DISEDIAKAN

3.1. MAKLUMAT UMUM.

Syarikat yang memohon perlu menghantar maklumat umum mengenai latar belakang seperti berikut:

- 3.1.1 Nama Syarikat
- 3.1.2 No. Pendaftaran Syarikat
- 3.1.3 Tarikh Penubuhan Syarikat
- 3.1.4 Jenis Perniagaan Utama
- 3.1.5 Alamat Syarikat (Ibu Pejabat dan Cawangan)
- 3.1.6 No. telefon, No. Faks, dan Alamat Email Syarikat
- 3.1.7 Modal Berbayar Syarikat
- 3.1.8 Jenis dan Butiran Pemilik Syarikat
- 3.1.9 Senarai Ahli Lembaga Pengarah
- 3.1.10 Maklumat mengenai Pengurusan Atasan
- 3.1.11 Bilangan Pekerja
- 3.1.12 Carian SSM yang tidak kurang dari 6 bulan dari tarikh iklan.

3.2. KRITERIA PEMOHON/ PENGUSAHA

Kriteria pengusaha /penyewa yang dialu-alukan membuat permohonan adalah seperti yang tertera di **Lampiran A**.

3.3. PANDUAN PENYEDIAAN CADANGAN KERTAS KERJA DAN PANDUAN PEMBENTANGAN BAGI PEMOHON TAMAN KEKAL PENGELUARAN RUMINAN(TKPR) / LADANG SATELIT NASIONAL (LSN) JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Syarikat perlu menghantar maklumat yang lengkap dan terperinci mengenai Projek Penternakan Ruminan yang dirancang untuk dilaksanakan di **Ladang Satelit Nasional (LSN) Tersat, di atas sebahagian tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan di atas lot PT 1176, Mukim Kuala Berang, Daerah Hulu Terengganu, Terengganu.**

Maklumat-maklumat yang diperlukan bagi Penyediaan Cadangan Kertas Kerja Bagi Pemohon Taman Kekal Pengeluaran Ruminan(TKPR) / Ladang Satelit Nasional (LSN) Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia adalah seperti keterangan di **Lampiran B**.

3.4 KONSEP SEWAAN

3.4.1. Tawaran tempoh sewaan adalah bagi tempoh permulaan 3 tahun, dengan pilihan untuk melanjutkan sehingga maksimum 10 tahun tertakluk kepada kelulusan Jabatan. Kelulusan tersebut berdasarkan kepada prestasi projek yang ditunjukkan dalam 3 tahun pertama dan prestasi semasa serta pematuhan kepada perkara-perkara yang dinyatakan dalam perjanjian penyewaan premis demis yang ditetapkan oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP).

3.4.2. Pada masa iklan ini dibuat, **Nilai Sewaan satu (1) unit kandang lembu fidlot beserta 6 hektar tanah adalah sebanyak RM1,250.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ribu Dua Ratus Lima Puluh Sahaja) sebulan** dengan nilai sewaan akan dikaji semula setiap kali lanjutan perjanjian sewaan.

3.5 CADANGAN JADUAL PELAKSANAAN TAWARAN

Bil	Keterangan	Anggaran tarikh/tempoh
1.	Iklan tawaran	2 Julai - 31 Julai 2026 (30 hari)
2.	Penerimaan permohonan dan kertas cadangan	2 Julai - 31 Julai 2026 (30 hari)
3.	Sesi lawatan tapak (<i>Terhad bagi pemohon yang menyerahkan Kertas Cadangan sahaja</i>)	Ogos 2026
4.	Jawatankuasa penilaian peringkat DVS/KPKM	Ogos- Oktober 2026
5.	Surat tawaran pemakluman keputusan mesyuarat	Oktober- November 2026

**Pindaan tarikh adalah tertakluk mengikut ketetapan dan perubahan oleh pihak Jabatan.*

4.0 SYARAT-SYARAT DAN TERMA

4.1 Pemohon adalah dipelawa untuk mengemukakan cadangan berdasarkan keperluan yang dinyatakan di dalam dokumen ini. Kegagalan untuk mengemukakan sebarang maklumat yang dikehendaki akan menyebabkan cadangan ditolak.

4.2 Syarikat juga perlu bersedia dengan peruntukan sendiri bagi menanggung segala kos yang berkaitan membaikpulih kandang sediaada termasuk pemasangan meter air dan elektrik.

4.3 Satu (1) softcopy dan satu (1) salinan bercetak hendaklah dikemukakan ke alamat berikut:

**Unit *High Impact Project* (HIP),
Bahagian Pembangunan Industri Ternakan,
Jabatan Perkhidmatan Veterinar,
Aras 1, Lot 4G2, Wisma Tani, Presint 4,
62630 Putrajaya
Emel: hip@dvs.gov.my**

4.4 Cadangan yang diterima selepas jam **4.30 petang** pada **31 Julai 2026 (Khamis)** tidak akan diproses

5.0 PENAFIAN

- 1. Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) berhak untuk meminda, membatalkan, menarik balik atau mengubah mana-mana syarat, spesifikasi, jadual atau maklumat yang terkandung dalam dokumen pelawaan ini pada bila-bila masa tanpa sebarang liabiliti kepada mana-mana pihak.**
- 2. Pengemukakan cadangan oleh pemohon tidak mewujudkan sebarang obligasi kepada DVS untuk menerima mana-mana cadangan atau menganugerahkan penyewaan kepada mana-mana pemohon.**
- 3. DVS berhak menolak mana-mana atau semua permohonan tanpa memberikan sebarang sebab, tertakluk kepada pertimbangan dan keputusan Jawatankuasa Penilaian.**
- 4. Semua keputusan DVS berhubung proses penilaian dan pemilihan penyewa adalah muktamad dan sebarang rayuan atau surat-menyurat berkaitan keputusan tersebut tidak akan dipertimbangkan.**
- 5. Kemudahan yang ditawarkan adalah berdasarkan keadaan semasa (on an "as is" basis). Pemohon adalah bertanggungjawab untuk membuat penilaian dan pemeriksaan sendiri terhadap kesesuaian tapak dan kemudahan sebelum mengemukakan permohonan.**
- 6. Segala kos yang ditanggung oleh pemohon bagi penyediaan cadangan, lawatan tapak, pembentangan atau apa-apa urusan berkaitan permohonan ini adalah di bawah tanggungan pemohon sendiri dan tidak boleh dituntut daripada DVS.**
- 7. Sebarang maklumat palsu, mengelirukan atau tidak tepat yang dikemukakan oleh pemohon boleh menyebabkan permohonan ditolak atau, sekiranya telah berjaya, penyewaan dibatalkan mengikut syarat-syarat perjanjian yang berkuat kuasa.**



KRITERIA PENGUSAHA

SYARIKAT PENGUSAHA:

1. Syarikat berdaftar di Malaysia –syarikat Sendirian Berhad, Berhad, Enterprise, Koperasi dan perkongsian.
2. Mempunyai modal dibenarkan sekurang-kurangnya RM500,000
3. Mempunyai modal berbayar sekurang-kurangnya RM250,000
4. Berpengalaman dalam bidang penternakan sekurang-kurangnya 3 tahun.
5. Mempunyai tenaga kerja profesional (sekurang-kurangnya 30% warga tempatan) dalam pengurusan syarikat
6. Sekiranya syarikat usahasama (*joint venture*) mestilah dimiliki oleh warga tempatan sebanyak sekurang-kurangnya 51%
7. Mempunyai pemasaran lembu yang kukuh.
8. Bersedia untuk bekerjasama dan dipantau kemajuan projek oleh DVS sehingga tempoh tiga (3) tahun (minima).

PENGUSAHA PERSEORANGAN

1. Warganegara Malaysia
2. Mempunyai pengalaman dalam bidang ternakan lembu sekurang-kurangnya 5 tahun.
3. Berpengetahuan dalam bidang pengurusan penternakan dan pengurusan padang ragut.
4. Mempunyai rancangan pengurusan ternakan dan pemasaran
5. Berpengetahuan mengenai penyakit lembu yang utama di Malaysia.
6. Mempunyai pengetahuan dalam biosekuriti dan kawalan penyakit.
7. Mempunyai kekuatan sumber kewangan dan modal yang mencukupi sekurang-kurangnya RM 50,000.
8. Bersedia untuk bekerjasama dan dipantau kemajuan projek oleh DVS sehingga tempoh minima tiga (3) tahun

PANDUAN PENYEDIAAN PEMBENTANGAN

PERMOHONAN PENYEWAAN KANDANG LADANG SATELIT NASIONAL/ KAWASAN PROJEK TAMAN KEKAL PENGELUARAN RUMINAN

Untuk edaran kepada pemohon

Tujuan dokumen

Dokumen ini disediakan sebagai panduan kepada pemohon bagi membantu penyediaan dan penyusunan maklumat pembentangan secara jelas, teratur dan boleh disemak oleh pihak urus setia. Panduan ini bersifat rujukan dan tidak bersifat mandatori secara mutlak bagi setiap perkara yang disenaraikan. Pemohon digalakkan mengemukakan maklumat dan dokumen sokongan yang berkaitan mengikut kesesuaian cadangan projek serta ketersediaan maklumat masing-masing.

Penyediaan pembentangan yang lengkap akan membantu proses semakan dilaksanakan dengan lebih teratur. Walau bagaimanapun, penyediaan pembentangan yang lengkap tidak menjamin kelulusan permohonan. Ketidakupayaan pemohon untuk mengemukakan mana-mana maklumat atau dokumen tertentu juga tidak secara automatik menyebabkan permohonan ditolak, dan akan tertakluk kepada pertimbangan pihak Kerajaan berdasarkan keseluruhan maklumat yang dikemukakan.

Pihak Kerajaan berhak menolak, menangguh, menyemak, mengesahkan, meminta penjelasan tambahan atau membuat semakan lanjut terhadap mana-mana permohonan atau maklumat yang dikemukakan, tertakluk kepada pertimbangan dan keputusan pihak berkuasa yang berkaitan.

1. Arahan Umum Pembentangan

Pemohon dikehendaki menyediakan pembentangan dalam format Microsoft PowerPoint atau PDF bagi menjelaskan cadangan projek, keupayaan pelaksanaan dan daya maju projek yang dipohon. Pembentangan hendaklah disampaikan oleh pemohon, pengarah, pengurus projek, pengurus ladang atau wakil yang benar-benar memahami operasi projek.

- Pembentangan hendaklah disediakan secara ringkas, tersusun dan berdasarkan maklumat yang boleh disahkan.
- Sebarang maklumat berkaitan pengalaman, modal, aset, tenaga kerja, pasaran, teknologi, kerjasama pihak ketiga atau keupayaan teknikal hendaklah disokong dengan dokumen berkaitan.
- Maklumat yang tidak disokong dengan bukti boleh tidak diambil kira dalam pertimbangan permohonan.
- Pihak urus setia boleh meminta penjelasan, dokumen tambahan atau membuat semakan lanjut sekiranya perlu.
- Cadangan projek hendaklah realistik, sesuai dengan kapasiti pemohon dan mengambil kira komitmen sewaan kepada Kerajaan.

2. Format Cadangan Pembentangan

Perkara	Panduan Ringkas	Catatan
Format fail	Microsoft PowerPoint atau PDF.	Gunakan fail yang mudah dibuka dan dibaca.
Bahasa	Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.	Gunakan istilah teknikal yang konsisten.
Kandungan	Mengikut struktur panduan ini.	Elakkan slaid yang terlalu padat.
Bukti sokongan	Lampirkan dokumen berkaitan.	Rujuk senarai semak dokumen sokongan.
Sesi soal jawab	Pemohon hendaklah bersedia menjawab soalan berkaitan operasi, kewangan, pasaran dan pelaksanaan projek.	Wakil pembentang perlu memahami projek secara menyeluruh.

3. Struktur Slaid Pembentangan dan Isi Kandungan

Pembentangan hendaklah merangkumi perkara berikut. Pemohon boleh menyesuaikan bilangan slaid mengikut kesesuaian, namun semua maklumat utama perlu dikemukakan dengan jelas.

3.1 Ringkasan Eksekutif dan Pengenalan Projek

- Ringkasan eksekutif cadangan pelaksanaan projek.
- Tujuan permohonan.
- Latar belakang projek yang dicadangkan.
- Jenis aktiviti ternakan yang ingin dilaksanakan.
- Lokasi tapak dan bilangan kandang/kawasan yang dipohon.
- Gambar tapak, kandang, ladang atau projek sedia ada, sekiranya berkaitan.
- Justifikasi ringkas kesesuaian projek dengan kawasan yang dipohon.

Nota : Bahagian ini hendaklah memberi gambaran jelas mengenai siapa pemohon, apa projek yang dicadangkan, di mana lokasi projek dan skala permohonan.

3.2 Profil Pemohon dan Struktur Pengurusan

- Maklumat latar belakang pemohon. Bagi individu, nyatakan maklumat asas, pendidikan, pengalaman, kemahiran dan penglibatan dalam bidang ternakan. Bagi syarikat, koperasi atau pertubuhan, nyatakan latar belakang organisasi, bidang perniagaan, pengalaman, struktur pemilikan dan keupayaan teknikal.
- Pengalaman dalam bidang penternakan atau projek berkaitan.
- Senarai projek terdahulu atau projek semasa, sekiranya ada.
- Struktur organisasi dan peranan pihak yang terlibat dalam projek.
- Maklumat pasukan teknikal, pengurus ladang, penyelia atau pekerja utama.
- Keperluan tenaga kerja, termasuk pekerja tempatan atau asing, sekiranya berkaitan.
- Maklumat rakan strategik, pelabur, pembekal, perunding atau pihak ketiga yang terlibat, sekiranya ada.

Nota : Dokumen sokongan yang digalakkan termasuk profil syarikat, sijil pendaftaran, carta organisasi, resume pegawai teknikal, bukti pengalaman, gambar operasi terdahulu, rekod projek dan dokumen perjanjian/kerjasama sekiranya berkaitan.

3.3 Rancangan Operasi dan Aspek Teknikal

- Jenis ternakan dan sistem pengeluaran yang dicadangkan.
- Skala permulaan projek dan sasaran pengembangan.
- Aliran operasi fizikal projek dari kemasukan ternakan sehingga hasil dipasarkan.
- Cadangan susun atur kawasan projek seperti kandang, kawasan makanan, stor, kuarantin, laluan operasi, kawasan rawatan dan kemudahan sokongan.
- Pengurusan makanan ternakan, termasuk sumber makanan, foder, pastura, konsentrat, bahan makanan tambahan dan strategi bekalan makanan.
- Pengurusan kesihatan ternakan, kawalan penyakit, rawatan, vaksinasi, nyahcacing dan kebajikan haiwan.
- Pengurusan biosekuriti, kawalan keluar masuk, keselamatan ladang dan pengurusan sisa ternakan.
- Kaedah penyimpanan rekod ternakan, pengeluaran, kematian, kelahiran, rawatan, jualan dan stok.
- Penggunaan peralatan, mesin, teknologi, sistem rekod, aplikasi digital atau pendekatan moden yang bersesuaian dengan projek.
- Carta perbatuan pelaksanaan projek dari peringkat awal sehingga projek beroperasi.

Nota : Pemohon hendaklah menerangkan operasi secara praktikal. Elakkan kenyataan umum tanpa kaedah pelaksanaan yang jelas.

3.4 Rancangan Pemasaran dan Pelan Pengeluaran

- Jenis hasil yang akan dipasarkan seperti ternakan hidup, susu, daging, anak ternakan, baja organik, foder atau produk hiliran lain.
- Sasaran pengeluaran tahunan bagi tempoh sepuluh (10) tahun.

- Sasaran pelanggan atau kumpulan pembeli.
- Saluran pemasaran yang dicadangkan.
- Strategi jualan, harga, promosi dan pengedaran.
- Kerjasama dengan pembeli, pemborong, pengedar, pasar tani, restoran, pasar raya, koperasi, agensi atau pihak ketiga, sekiranya ada.
- Bukti pasaran sedia ada atau potensi pasaran, sekiranya berkaitan.

Nota : Dokumen sokongan yang digalakkan termasuk rekod jualan terdahulu, senarai pembeli, surat minat, MOU, LOI, kontrak pembelian, invois jualan atau bukti rangkaian pemasaran.

3.5 Rancangan Kewangan, Komitmen Sewaan dan Modal Minimum

- Anggaran kos projek secara keseluruhan.
- Pecahan kos pelaburan awal seperti pembelian ternakan, jentera, peralatan, sistem air, bekalan elektrik, dan kemudahan/infrastruktur sokongan.
- Anggaran kos operasi seperti makanan ternakan, ubat-ubatan, pekerja, utiliti, pengangkutan, penyelenggaraan dan lain-lain kos berkaitan.
- Modal pusingan yang disediakan bagi memulakan dan meneruskan operasi projek.
- Sumber pembiayaan projek sama ada modal sendiri, pembiayaan bank, pelabur, overdraf, pinjaman atau sumber lain yang sah.
- Komitmen kadar sewaan kepada Kerajaan, termasuk sewaan kandang/premis dan sewaan tanah, sekiranya berkaitan.
- Unjuran aliran tunai untuk tempoh sepuluh (10) tahun.
- Unjuran hasil, kos, keuntungan/kerugian dan andaian kewangan yang digunakan.
 - Keupayaan kewangan semasa pemohon untuk menanggung kos operasi dan komitmen sewaan.

Nota : Semua kos hendaklah munasabah dan mengambil kira komitmen sewaan kepada Kerajaan. Unjuran kewangan hendaklah disediakan berdasarkan andaian yang jelas dan realistik.

3.6 Pengurusan Risiko, Langkah Mitigasi dan Penutup

- Risiko kenaikan kos makanan ternakan dan input operasi.
- Risiko kekurangan bekalan makanan ternakan.
- Risiko penyakit ternakan, kematian dan penurunan produktiviti.
- Risiko pasaran, harga jualan dan permintaan.
- Risiko kewangan dan aliran tunai.
- Risiko kelewatan pelaksanaan projek.
- Cadangan langkah mitigasi bagi setiap risiko utama.
- Cadangan latihan, inovasi, teknologi, R&D atau penambahbaikan operasi, sekiranya berkaitan.
- Penutup dan kesimpulan permohonan.

Nota

Dokumen sokongan yang digalakkan termasuk sijil latihan, surat persetujuan pembekal teknologi, Letter of Intent, profil pembekal, gambar teknologi/peralatan, bukti penggunaan sistem atau rekod operasi.

4. Keupayaan Menanggung Sewaan dan Keperluan Modal Minimum Mengikut Jenis Projek

Pemohon hendaklah menyatakan cadangan komitmen sewaan kepada Kerajaan serta mengemukakan bukti keupayaan kewangan atau sumber pembiayaan yang mencukupi berdasarkan jenis projek yang dicadangkan.

CONTOH:

Jenis Projek	Keperluan Modal	Catatan
<i>Fidlot</i>	<i>RM1 juta bagi pusingan pertama + RM100,000 bagi pembaikan infrastruktur/peralatan.</i>	<i>Sertakan bukti modal, pembiayaan atau sumber kewangan yang sah.</i>
<i>Pembiakan</i>	<i>RM500,000 atau mempunyai 100 ekor induk pembiak sedia ada + RM100,000 bagi pembaikan infrastruktur/peralatan.</i>	<i>Sertakan bukti pemilikan ternakan atau bukti kewangan.</i>
<i>Tenusu</i>	<i>RM500,000 atau mempunyai 50 ekor induk perah sedia ada + RM100,000 bagi pembaikan infrastruktur/peralatan.</i>	<i>Sertakan bukti pemilikan ternakan atau bukti kewangan.</i>

5. Dokumen Sokongan dan Lampiran

Semua dokumen berikut hendaklah disediakan dan dilampirkan bagi menyokong permohonan. Salinan dokumen hendaklah jelas, terkini dan boleh disemak.

A. Dokumen Identiti dan Pendaftaran

- Bagi pemohon individu: salinan Kad Pengenalan.
- Bagi syarikat/koperasi/pertubuhan: salinan pendaftaran SSM, sijil pendaftaran ROS atau sijil pendaftaran koperasi.
- Salinan Seksyen 78 / Borang 24, sekiranya berkaitan.
- Salinan Seksyen 58 / Borang 49, sekiranya berkaitan.
- Salinan Memorandum dan Artikel Syarikat, Undang-undang Tubuh atau Undang-undang Kecil, sekiranya berkaitan.

B. Dokumen Sokongan Kewangan

- Penyata kewangan beraudit bagi dua (2) tahun terkini, sekiranya berkaitan.
- Penyata akaun bank sekurang-kurangnya tiga (3) bulan terkini.
- Bukti aset semasa, kemudahan overdraf, pembiayaan bank atau kelulusan pinjaman bank sekiranya berkaitan.
- Bukti modal kerja atau sumber pembiayaan projek.

C. Dokumen Sokongan Operasi dan Pengalaman

- Rekod projek terdahulu atau semasa.
- Gambar ladang, kandang, ternakan, peralatan atau operasi sedia ada.
- Rekod ternakan, jualan, pengeluaran atau pembelian input, sekiranya ada.
- Profil pasukan teknikal atau pekerja utama.
- Lesen, sijil, pengiktirafan, kursus atau latihan berkaitan.

D. Dokumen Sokongan Pasaran dan Kerjasama

- MOU, LOI, kontrak pembelian atau surat minat daripada pembeli, sekiranya ada.
- Senarai pembeli, pemborong, pengedar atau rakan strategik.
- Rekod jualan terdahulu, invois atau bukti pemasaran, sekiranya ada.

E. Dokumen Tambahan

- Brosur syarikat.
- Sijil pencapaian atau pengiktirafan.
- Dokumen berkaitan teknologi, inovasi, R&D atau peralatan.
- Dokumen lain yang berkaitan dengan permohonan.

6. Senarai Semak Dokumen Sokongan

Pemohon boleh menggunakan senarai semak berikut sebelum mengemukakan permohonan kepada urus setia.

Bil.	Dokumen / Maklumat	Semakan Pemohon
1	Dokumen identiti / pendaftaran pemohon.	☐ Ada ☐ Tiada ☐ Tidak berkaitan
2	Profil pemohon / profil syarikat.	☐ Ada ☐ Tiada ☐ Tidak berkaitan
3	Carta organisasi dan maklumat pasukan teknikal.	☐ Ada ☐ Tiada ☐ Tidak berkaitan
4	Bukti pengalaman atau rekod projek terdahulu.	☐ Ada ☐ Tiada ☐ Tidak berkaitan
5	Cadangan projek dan pelan operasi.	☐ Ada ☐ Tiada ☐ Tidak berkaitan
6	Gambar tapak / kandang / operasi sedia ada, sekiranya berkaitan.	☐ Ada ☐ Tiada ☐ Tidak berkaitan
7	Pelan pengeluaran sepuluh (10) tahun.	☐ Ada ☐ Tiada ☐ Tidak berkaitan
8	Cadangan pemasaran dan bukti pasaran, sekiranya ada.	☐ Ada ☐ Tiada ☐ Tidak berkaitan
9	Unjuran kewangan dan aliran tunai sepuluh (10) tahun. * <i>Unjuran kewangan mengambil kira kadar sewaan yang ditetapkan Kerajaan</i>	☐ Ada ☐ Tiada ☐ Tidak berkaitan
10	Bukti modal, pembiayaan atau sumber kewangan.	☐ Ada ☐ Tiada ☐ Tidak berkaitan
11	Pelan pelaksanaan / carta perbatuan projek.	☐ Ada ☐ Tiada ☐ Tidak berkaitan
12	Pelan mitigasi risiko.	☐ Ada ☐ Tiada ☐ Tidak berkaitan
13	Dokumen latihan, inovasi, teknologi atau R&D, sekiranya berkaitan.	☐ Ada ☐ Tiada ☐ Tidak berkaitan
14	Dokumen kerjasama seperti MOU, LOI atau kontrak, sekiranya ada.	☐ Ada ☐ Tiada ☐ Tidak berkaitan

7. Maklumat Penghantaran Permohonan

Maklumat permohonan yang lengkap perlu dihantar melalui e-mel kepada urus setia berikut:

Urus Setia

Projek Berimpak Tinggi (HIP)

Bahagian Pembangunan Industri Ternakan

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Putrajaya

Aras 1, Lot 4G2, Blok Podium,

Wisma Tani, No.28 Persiaran Perdana, Presint 4,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

E-mel: hip@dvs.gov.my

